

PENGENALAN

Peluang terbaik untuk pelajar lepasan pusat pengajian tahfiz seluruh negara yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di UiTM serta menjadi graduan yang mempunyai watak Al-Quran.

Program Plus Tahfiz UiTM merupakan program yang holistik. Program ini merentas 515 program pengajian akademik yang ditawarkan di 26 buah fakulti di semua 35 kampus UiTM.

Program ini diwujudkan bertujuan untuk membantu para pelajar yang telah bergelar Huffaz Al-Quran bagi mempertahankan, mempertingkatkan dan melestarikan budaya Al-Quran di sepanjang tempoh pengajian di UiTM.



PROGRAM PLUS
TAHFIZ UiTM



VISI

Melahirkan professional Huffaz Al-Quran sebagai Khairi Ummah peringkat Malaysia dan antarabangsa.

MISI

Memantap dan mempertahankan hafazan Al-Quran sepanjang hayat dengan program yang sistematik dan berterusan.

MATLAMAT

Program ini adalah khusus bagi pelajar lepasan pengajian tahfiz seluruh negara yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di UiTM.



OBJEKTIF

Membantu pelajar-pelajar tahfiz yang berada di UiTM untuk mempertahankan meningkatkan hafazan Al-Quran.

Melaksanakan program pemantapan yang berkesan dan interaktif dikalangan para pelajar yang telah menghafaz Al-Quran.

Melestarikan budaya dan kefahaman Al-Quran dalam lanskap.

KAEDAH KELAS



SESI PAGI

Hafazan secara individu



SESI PETANG / MALAM

Pengulangan hafalan dihadapan guru (Tasmi')



Setiap pelajar dibekalkan buku catatan hafazan dan disemak guru hafazan.



KOKURIKULUM

Pelajar akan mendaftar kursus kokurikulum bagi 5 semester bermula dari semester pertama pengajian. Bagi 5 kod kursus yang didaftarkan, 2 kod kursus pada semester kedua dan ketiga akan diambil kira didalam CGPA, manakala bagi tiga semester selebihnya akan diberikan status LULUS/GAGAL sahaja.

SEM	KOD KURSUS	NAMA KURSUS (BAHASA MALAYSIA)	STATUS KURSUS
1	HKR119	TAHFIZ AL-ITAHAH	Lulus/Gagal
2	HKR129	TAHFIZ AL-IMKANIYYAH	Gred
3	HKR139	TAHFIZ AL-ITMAM	Gred
4	HKR149	TAHFIZ AL-ITQAN	Lulus/Gagal
5	HKR159	TAHFIZ AL-ISTI'AB	Lulus/Gagal

*Maklumat kursus adalah bagi pengajian di peringkat diploma dan ijazah.



KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN PELAJAR

PENEMPATAN

☀ Semua pelajar yang mendaftar Kokurikulum Plus Tahfiz UiTM akan ditempatkan di asrama UiTM sepanjang tempoh pengajian.

- ☑ Mematuhi semua peraturan asrama UiTM dan mengikuti aktiviti / program yang dirancang oleh pihak Kolej sekiranya tidak berlaku pertindihan waktu kelas tasmii'.

BIMBINGAN

☀ Mendapat bimbingan dan pemantauan yang berterusan daripada jurulatih yang kompeten dalam bidang hafazan sepanjang tempoh program.

PERMOHONAN

1 Hantar permohonan dan dokumen sokongan melalui Google Form (Tarikh permohonan adalah tertakluk kepada kalendar permohonan kemasukan ke IPT oleh UPU / UiTM)

2 Semak keputusan UPU

3 Calon berjaya akan mendaftar di UiTM mengikut program yang ditawarkan

4 Pelajar lulusan Tahfiz mendaftar Kokurikulum Program Plus Tahfiz (Telah mendaftar sebagai pelajar UiTM, syarat kelayakan telah menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk)

DOKUMEN YANG BERKAITAN :

1. Salinan permohonan UPU.
2. Salinan SPM/STPM/STAM/Diploma.
3. Salinan dokumen tamat pengajian tahfiz.
4. Salinan dokumen pengesahan tahap hafazan Al-Quran.

UNTUK DI HUBUNGI

Koordinator Program Plus Tahfiz

No. telefon : +603-55442135 / 2644

Faks : +603-5544 2367

✉ plustahfiz@uitm.edu.my



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PROGRAM PLUS TAHFIZ

Diurusetikan oleh :
Akademi Pengajian Islam Kontemporari

